



Pelan
STRATEGIK
ORGANISASI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
2026-2030



Pelan
STRATEGIK
ORGANISASI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
2026-2030





Hak Cipta Terpelihara
© Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, 2026
Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.



Kandungan

PELAN STRATEGIK ORGANISASI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2026 - 2030

Perutusan	1
Pengenalan	3
Senarai Nama Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan	5
Carta Organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	6
Fungsi Bahagian	7
Senario Persekitaran	9
Rangka Kerja PSO Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 2026 – 2030	10
Hala Tuju Strategik Visi dan Misi	12
Empat Teras Strategik	15
Strategi dan Formulasi (Program dan Projek)	16
Pemantauan dan Pengurusan Prestasi	39
Penutup	40
Penghargaan	41

Perutusan

YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Perak Sejahtera 2030.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Kerajaan Negeri Perak berjaya merangka dan menerbitkan Pelan Strategik Organisasi Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2026 – 2030 sebagai dokumen rujukan utama yang akan memandu hala tuju pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan awam negeri bagi tempoh lima tahun akan datang.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak, khususnya warga perkhidmatan awam negeri, jabatan dan agensi serta rakan strategik yang telah memberikan komitmen, idea dan sumbangan berterusan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan pembangunan pelan strategik ini.

Selaras dengan aspirasi Perak Sejahtera 2030 dan agenda pembangunan nasional, pelan ini menekankan pendekatan bersepadu yang menuntut sinergi antara semua jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.

Sehubungan itu, saya menyeru seluruh warga perkhidmatan awam negeri agar menghayati sepenuhnya aspirasi, teras strategik serta pelan tindakan yang telah digariskan, seterusnya berganding bahu dan melaksanakan amanah ini dengan penuh integriti, profesionalisme dan semangat kebersamaan. Setiap teras strategik yang dirangka menuntut komitmen kolektif bagi memastikan output dan impak yang signifikan dapat direalisasikan demi kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat.

Akhir kata, saya berharap agar Pelan Strategik Organisasi Kerajaan Negeri Perak 2026 – 2030 ini dapat dijadikan instrumen utama oleh semua pihak dalam menggerakkan agenda pembangunan negeri secara terancang, berkesan dan berterusan ke arah memperkukuh Negeri Perak sebagai sebuah negeri yang makmur, berdaya saing dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

“

Pelan ini menekankan pendekatan bersepadu yang menuntut sinergi antara semua jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.

**YB DATO' AHMAD SUAIDI
BIN ABDUL RAHIM**

Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan





Pengenalan

PELAN STRATEGIK ORGANISASI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2026 - 2030

Pelan Strategik Organisasi (PSO) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 2026 – 2030 digubal sebagai panduan yang menyeluruh dalam merancang, menyelaras serta melaksanakan dasar, program dan inisiatif pembangunan negeri secara lebih tersusun selaras dengan aspirasi Perak Sejahtera 2030.

Pelaksanaan PSO 2026 – 2030 digerakkan melalui empat teras strategik yang dirangka secara holistik, meliputi pemacuan ekonomi negeri secara mampan, pemerkasaan kesejahteraan sosial rakyat, pemantapan penyampaian perkhidmatan menerusi tadbir urus yang cekap serta inklusif dan pengukuhan budaya kepimpinan bagi melahirkan penjawat awam yang kompeten, profesional dan berintegriti.





Keempat-empat teras ini saling melengkapi bagi memastikan keseimbangan antara pembangunan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kecemerlangan pentadbiran awam. Setiap teras strategik disokong oleh strategi, program dan projek yang dirangka berdasarkan analisis persekitaran, keperluan semasa serta jangkaan masa hadapan. Pendekatan pelaksanaan turut menitikberatkan pemantauan prestasi yang sistematik, amalan penambahbaikan berterusan serta penggunaan teknologi dan pendigitalan bagi meningkatkan kecekapan operasi dan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri.

Secara keseluruhan, PSO ini berperanan sebagai rujukan utama kepada seluruh warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab secara lebih tersusun, berkesan dan berpaksikan rakyat.


Senarai Nama

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

BIL	NAMA	DARI	HINGGA
1.	Encik Ahmad bin Osman	01.02.1948	30.06.1949
2.	Encik Mustapha Albakri bin Hj. Hassan	01.07.1949	13.05.1951
3.	Encik Osman bin Talib	14.05.1951	13.05.1953
4.	Encik Ibrahim bin Abdul Karim	14.05.1953	31.12.1953
5.	Encik Mohamed Hashim bin Mat Dris	01.01.1954	10.03.1956
6.	Encik Badaruddin bin Alang Ahmad	11.03.1956	04.04.1956
7.	Toh Muda Abdullah bin Noordin	05.04.1956	22.11.1959
8.	Encik Lokman bin Yusof (Pemangku)	23.11.1959	07.02.1960
9.	Y.M. Tengku Muhammed bin Tengku Besar Burhanuddin	08.02.1960	16.07.1961
10.	Tuan Syed Zahiruddin bin Syed Hassan	17.07.1961	27.12.1962
11.	Dato' Mohamed Yusoff bin Hj Ahmad	28.12.1962	05.04.1964
12.	Encik Mohd Senawi bin Hj. Zainuddin (Pemangku)	16.04.1964	09.02.1965
13.	Y.M. Raja Mokhtar bin Raja Yaacob	10.02.1965	30.06.1967
14.	Encik Murad bin Mohamed	01.07.1967	31.10.1967
15.	Dato' Abdul Aziz bin Ismail	01.11.1967	30.06.1970
16.	Dato' Ahmad bin Mohd. Yunus	01.07.1970	31.12.1973
17.	Dato' Ishak bin Tadin	01.01.1973	21.08.1975
18.	Encik Nasir bin Tahar (Pemangku)	22.08.1975	14.09.1975
19.	Dato' Seri Radin Soenarno bin Radin Soenario	15.09.1975	31.07.1979
20.	Dato' Seri Mohamed Khalil bin Hj. Hussien	01.08.1979	09.12.1983
21.	Dato' Seri Nurzid bin Mohd. Wali	10.12.1983	26.07.1987
22.	Dato' Hj. Ahmad bin Hj. Sa'adi	03.12.1987	26.07.1990
23.	Dato' Syed Alwi bin Syed Nordin	16.06.1990	18.10.1993
24.	Dato' Samsudin bin Mat Dubi	19.10.1993	15.02.1995
25.	Dato' Abdul Habib bin Mansur	16.02.1995	19.02.1999
26.	Dato' Hj. Abdul Majid bin Hj. Hussein	20.02.1999	30.11.2000
27.	Dato' Dr. Isahak bin Yeop Mohd Shar	01.12.2000	31.03.2004
28.	Dato' Hj. Samsul Baharin bin Hassan	19.04.2004	20.08.2004
29.	Dato' Abdul Hanan bin Alang Endut	21.08.2004	15.05.2006
30.	Dato' Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim	16.05.2006	29.12.2011
31.	Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan	30.12.2011	16.04.2018
32.	Dato' Haji Mohd Gazali bin Jalal	05.06.2018	09.10.2018
33.	Dato' Haji Zainal Azman bin Abu Seman	09.10.2018	01.12.2019
34.	Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim	18.12.2019	kini

Carta Organisasi

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK



Fungsi Bahagian

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

01

PEJABAT YAB MENTERI BESAR

Merangka, merancang strategi serta hala tuju pembangunan fizikal dan kerohanian masyarakat ke arah kestabilan negeri dalam bidang ekonomi, politik dan sosial serta menentukan dasar serta pelaksanaan agenda pembangunan di Negeri Perak secara holistik.

03

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

Berperanan merancang dan menggubal dasar serta strategi pembangunan negeri dalam sektor-sektor ekonomi serta menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

05

BAHAGIAN DIGITAL

Merancang, menyelaras dan mengurus pelaksanaan program ICT peringkat Negeri Perak serta melaksanakan pembangunan di samping menyediakan khidmat runding cara mengenai infrastruktur dan infrastruktur ICT di Negeri Perak.

02

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Mengurus, menyelia, memantau dan menyediakan perkara-perkara berkaitan pengurusan kewangan, pengurusan majlis dan protokol, penyelarasan daerah dan hartanah, pengurusan bangunan dan aset yang cekap, profesional dan teratur di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

04

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Melaksanakan pengurusan sumber manusia yang berketerampilan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang meliputi pembangunan organisasi, perkhidmatan, latihan dan kompetensi serta pengurusan prestasi dan kaunseling bagi mewujudkan warga perkhidmatan awam yang cemerlang di Negeri Perak.

07**BAHAGIAN DEWAN NEGERI & MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN**

Mengurus mesyuarat mingguan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), hal ehwal perkhidmatan Ahli MMK, hal-hal yang berkaitan dengan Persidangan Dewan Negeri, memberi perkhidmatan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri serta bekas ahli-ahli Dewan Negeri serta mengurus dan memproses Pencalonan Darjah Kebesaran dan Pingat-pingat Negeri.

09**BAHAGIAN AUDIT DALAM**

Berperanan melaksanakan pemantauan, pemeriksaan dan penilaian audit secara bebas dan objektif ke arah meningkatkan kualiti tadbir urus berpandukan akta, pekeliling dan undang-undang yang diguna pakai bagi membudayakan persekitaran kerja yang cemerlang di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

Membantu membimbing pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Perak dalam merancang, mengawal dan melaksanakan program-program sosioekonomi dan perkhidmatan perbandaran ke arah pembentukan masyarakat makmur, sejahtera dan berdaya maju selaras dengan matlamat pembangunan di Negeri Perak

06**BAHAGIAN KORPORAT**

Mentadbir dan melaksana sistem pengurusan aduan awam dan khidmat pelanggan, hubungan media, publisiti dan penerbitan serta pelaksanaan program kualiti dan inovasi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang cekap, berkesan dan profesional bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dapat berfungsi dengan responsif dan efisien.

08**UNIT INTEGRITI**

Bertanggungjawab dalam memastikan pembudayaan nilai dan integriti dalam pelaksanaan tugas dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta membendung salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan melalui pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan aduan, pematuhan, tadbir urus dan tatatertib.

10

Senario Persekitaran

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Institusi DiRaja
- YAB Menteri Besar Perak
- Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- Kerajaan Persekutuan

RAKAN STRATEGIK

- Jabatan/Agensi Persekutuan/Negeri/Kerajaan Tempatan
- Badan Berkanun Negeri/Persekutuan
- Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
- Agensi Swasta/Pelabur
- Agensi Antarabangsa
- Media

PELANGGAN

- Orang Awam
- Anggota Perkhidmatan Awam Negeri/Persekutuan

Rangka Kerja

Pelan Strategik Organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Tahun 2026 – 2030

VISI

PENERAJU KECEMERLANGAN PENTADBIRAN AWAM
NEGERI PERAK YANG DINAMIK DAN RESPONSIF BAGI
MEREALISASIKAN PERAK SEJAHTERA 2030

MISI

MEMPERKUKUH EKOSISTEM PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN YANG BERDAYA SAING, INOVATIF DAN
BERINTEGRITI DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

MATLAMAT STRATEGIK

MS1

Peningkatan pelaburan
tahunan 20%.

MS2

Ketersediaan jaringan
infrastruktur fizikal dan
perkhidmatan kerajaan
kepada rakyat

MS3

Indeks kepuasan pelanggan
pada tahap 95%

MS4

80% penyampaian
perkhidmatan secara digital
dan mesra pengguna

MS5

Pemantauan prestasi jabatan
secara sistematik dan
komprehensif

MS6

Kompetensi penjawat awam
negeri pada tahap 85% ke atas

MS7

100% penjawat awam negeri
celik digital pada 2030

TERAS STRATEGIK

TS1



TS1

MEMACU EKONOMI
NEGERI YANG MAPAN
MELALUI
PENGURUSAN
SUMBER YANG
EFEKTIF

TS2



TS2

MEMPERKASA
KESEJAHTERAAN
SOSIAL RAKYAT
MELALUI
PERANCANGAN
PEMBANGUNAN
INKLUSIF

TS3



TS3

MEMACU
PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN YANG
EFEKTIF MELALUI
TADBIR URUS YANG
CEKAP SERTA
INKLUSIF

TS4



TS4

MEMPERKUKUH
BUDAYA KEPIMPINAN
UNTUK MELAHIRKAN
PENJAWAT AWAM
YANG KOMPETEN DAN
BERINTEGRITI

STRATEGI

TS1.S1: Memperkukuh
ekosistem
mesra pelabur

TS1.S2: Meneroka
potensi
ekonomi
baharu

TS1.S3: Memberdaya
pengurusan
sumber sedia
ada dan baharu
secara
mampan

TS2.S1: Memastikan
peningkatan
mobiliti sosial
kumpulan
miskin dan
miskin tegar

TS2.S2: Memperkukuh
infrastruktur
fizikal kepada
rakyat

TS2.S3: Mewujudkan
persekitaran
hidup yang
selamat dan
sihat

TS3.S1: Memperkasa
penyampaian
perkhidmatan
yang mudah,
cepat dan
relevan

TS3.S2: Memperkukuh
infrastruktur
digital dan
rangkaian
komunikasi

TS3.S3: Mempertingkat
penggunaan
aplikasi digital

TS3.S4: Melaksana dan
memantau
indeks prestasi
secara
konsisten

TS4.S1: Memperkukuh
pengurusan
dan
pembangunan
modal insan

TS4.S2: Memantap
kemahiran dan
pembudayaan
digital

TS4.S3: Mewujudkan
persekitaran
kerja yang
konduusif

TS4.S4: Memantapkan
tadbir urus dan
mempertingkat
program
kesedaran
integriti dan
tatatertib
untuk penjawat
awam

39 PROGRAM | 79 PROJEK

39 Program

Pelan Strategik Organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Tahun 2026 – 2030

1. Peningkatan Nilai Pelaburan
2. Pemudahcaraan Pelaburan
3. Pembentukan Hala Tuju Ekonomi Biru
4. Pembentukan Hala Tuju Ekonomi Ungu
5. Pembentukan Hala Tuju Ekonomi Jingga
6. Pemerkasaan Pelaksanaan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030
7. Pemerkasaan Pelaksanaan Pelan Perak Lestari 2030
8. Pembangunan Rantaian Ekosistem Industri *Rare Earth Element* (REE)
9. Memperkasa Pengurusan Biodiversiti
10. Peningkatan Mobiliti Sosial Kumpulan Miskin dan Miskin Tegar
11. Peningkatan Capaian Perkhidmatan Sosial kepada Rakyat
12. Memperkasa Jaringan Perhubungan Negeri Perak
13. Infrastruktur Luar Bandar
14. Pengurusan Bandar Berdaya Huni dan Mampan
15. Pengurusan Sisa
16. Pemuliharaan Alam Sekitar dan Biodiversiti
17. Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB)
18. Reformasi Perkhidmatan Kaunter
19. Reformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam
20. Memperkukuhkan Perkhidmatan Rangkaian Berkelajuan Tinggi dan Keselamatan di Pejabat SUK Negeri Perak dan Semua Jabatan/Agensi Negeri
21. Memperkukuhkan Infrastruktur Digital bagi Menampung Perkhidmatan Digital Negeri
22. Memperkasa *End User Computing* bagi Memenuhi Keperluan Perkhidmatan Terkini dan Masa Hadapan
23. Peningkatan Penggunaan Aplikasi Digital
24. Akses Perkhidmatan Digital
25. Pengukuhan Tadbir Urus Prestasi
26. Pengurusan Kualiti
27. Pengurusan Aduan Awam
28. Sistem Ganjaran dan Insentif Berasaskan Prestasi
29. Program Peningkatan Kompetensi Penjawat Awam
30. Program Kesedaran dan Penjagaan Kesejahteraan Mental Penjawat Awam di Negeri Perak
31. Program Kepimpinan Digital
32. Pengukuhan Kompetensi Digital Penjawat Awam Negeri
33. Program *Upskill* dan *Reskill*
34. Pemantapan Keselamatan Siber Agensi Negeri
35. Penyediaan Persekitaran Kerja yang Selamat dan Kondusif
36. Program Intervensi Kesihatan Mental Organisasi dan Peranan Ketua Jabatan sebagai "*Psychological Gatekeeper*"
37. Program Komunikasi dan Libat Urus bagi Penyampaian Perkhidmatan Berkesan
38. Program Pemantapan Tadbir Urus
39. Program Pengukuhan Integriti Penjawat Awam



Hala Tuju **STRATEGIK**

Pelan Strategik Organisasi
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
2026-2030



VISI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

PENERAJU KECEMERLANGAN PENTADBIRAN AWAM
NEGERI PERAK YANG DINAMIK DAN RESPONSIF
BAGI MEREALISASIKAN PERAK SEJAHTERA 2030

Visi ini menegaskan komitmen Kerajaan Negeri Perak
untuk menjadi pemimpin utama dalam
pentadbiran awam melalui



Pendekatan Dinamik

Sistem yang fleksibel dan cepat bertindak, penggunaan teknologi terkini untuk efisiensi perkhidmatan dan penambahbaikan berterusan bagi proses kerja

Sikap Responsif

Bertindak pantas menyesuaikan dasar dan perkhidmatan yang relevan bagi menangani keperluan dan aspirasi rakyat, perancangan berasaskan data dan penyelesaian isu secara pencegahan bukan reaktif.

Matlamat Utama adalah untuk mencapai status Perak Sejahtera menjelang 2030 dengan memastikan setiap dasar dan perkhidmatan memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat.

**MEMPERKUKUH EKOSISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
YANG BERDAYA SAING, INOVATIF DAN BERINTEGRITI
DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT**



EKOSISTEM PERKHIDMATAN BERDAYA SAING

- Menyediakan perkhidmatan yang cekap, inklusif dan berorientasikan kepuasan rakyat.
- Meningkatkan efisiensi dan kualiti perkhidmatan awam.



PENDEKATAN INOVATIF

- Mengaplikasikan teknologi *fit for purpose* dalam penyampaian perkhidmatan
- Meneroka kaedah baharu yang lebih efektif
- Menggalakkan budaya kreativiti dan pembaharuan dalam pentadbiran



PENGUKUHAN INTEGRITI

- Amalan tadbir urus yang telus dan akauntabiliti
- Pematuhan kepada etika dan tatakelola yang baik
- Sistem yang bebas daripada rasuah dan penyalahgunaan kuasa



FOKUS KESEJAHTERAAN RAKYAT

- Rakyat sebagai penerima manfaat utama
- Perkhidmatan yang mesra pengguna dan mudah diakses
- Penyelesaian yang menyentuh keperluan sebenar masyarakat

4 Teras Strategik

PELAN STRATEGIK ORGANISASI PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2026 - 2030



TERAS STRATEGIK 1

**MEMACU EKONOMI NEGERI
YANG MAPAN MELALUI
PENGURUSAN SUMBER
YANG EFEKTIF**

Merangsang pertumbuhan ekonomi negeri yang kukuh dan berdaya tahan menerusi penggunaan sumber yang cekap dan efektif.



TERAS STRATEGIK 2

**MEMPERKASA KESEJAHTERAAN
SOSIAL RAKYAT MELALUI
PERANCANGAN PEMBANGUNAN
INKLUSIF**

Memperkukuh usaha peningkatan sosioekonomi rakyat melalui pembangunan yang melibatkan semua pihak.



TERAS STRATEGIK 3

**MEMACU PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN YANG EFEKTIF
MELALUI TADBIR URUS YANG CEKAP
SERTA INKLUSIF**

Sistem penyampaian perkhidmatan yang holistik melalui pemerkasaan teknologi digital, dan pengukuhan tadbir urus yang berintegriti dan inovatif ke arah kecemerlangan perkhidmatan.



TERAS STRATEGIK 4

**MEMPERKUKUH BUDAYA
KEPIMPINAN UNTUK MELAHIRKAN
PENJAWAT AWAM YANG KOMPETEN
DAN BERINTEGRITI**

Budaya kepimpinan adalah asas kepada pembentukan penjawat awam yang berkemahiran tinggi dan berintegriti. Ia menetapkan norma, menyediakan sistem sokongan dan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan perkhidmatan awam.

1

**MEMACU
EKONOMI NEGERI
YANG MAPAN
MELALUI
PENGURUSAN
SUMBER YANG
EFEKTIF**

Strategi

1. MEMPERKUKUH EKOSISTEM MESRA PELABUR
2. MENEROKA POTENSI EKONOMI BAHARU
3. MEMBERDAYA PENGURUSAN SUMBER SEDIA ADA DAN BAHARU SECARA MAMPAN

PROGRAM

PROJEK

2

4

4

10

3

5

2

**MEMPERKASA
KESEJAHTERAAN
SOSIAL RAKYAT
MELALUI
PERANCANGAN
PEMBANGUNAN
INKLUSIF**

Strategi

1. MEMASTIKAN PENINGKATAN MOBILITI SOSIAL KUMPULAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR
2. MEMPERKUKUH INFRASTRUKTUR FIZIKAL KEPADA RAKYAT
3. MEWUJUDKAN PERSEKITARAN HIDUP YANG SELAMAT DAN SIHAT

PROGRAM

PROJEK

2

5

2

5

3

5

3

**MEMACU
PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN
YANG EFEKTIF
MELALUI TADBIR
URUS YANG
CEKAP SERTA
INKLUSIF**

Strategi

1. MEMPERKASA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG MUDAH, CEPAT DAN RELEVAN
2. MEMPERKUKUH INFRASTRUKTUR DIGITAL DAN RANGKAIAN KOMUNIKASI
3. MEMPERTINGKAT PENGGUNAAN APLIKASI DIGITAL
4. MELAKSANA DAN MEMANTAU INDEKS PRESTASI SECARA KONSISTEN

PROGRAM

PROJEK

3

10

3

4

2

3

3

5

4

**MEMPERKUKUH
BUDAYA
KEPIMPINAN
UNTUK
MELAHIRKAN
PENJAWAT AWAM
YANG KOMPETEN
DAN
BERINTEGRITI**

Strategi

1. MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN
2. MEMANTAP KEMAHIRAN DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL
3. MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF
4. MEMANTAPKAN TADBIR URUS DAN MEMPERTINGKATKAN PROGRAM KESEDARAN INTEGRITI DAN TATATERTIB UNTUK PENJAWAT AWAM

PROGRAM

PROJEK

3

3

4

7

3

9

2

4

Teras Strategik 1

MEMACU EKONOMI NEGERI YANG MAPAN MELALUI PENGURUSAN SUMBER YANG EFEKTIF



Teras Strategik 1

MEMACU EKONOMI NEGERI YANG MAPAN MELALUI PENGURUSAN SUMBER YANG EFEKTIF

Memperkukuh Ekosistem Mesra Pelabur

TS1

S1

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Peningkatan Nilai Pelaburan	1.1 Nilai Pelaburan	Jumlah pelaburan diluluskan (<i>approved investment</i>) yang direkodkan MIDA	Peningkatan pelaburan 20% setiap tahun	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	1.2 Promosi Pelaburan ke Luar Negara	Bilangan promosi pelaburan ke luar negara	Tiga (3) kali setahun	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
2. Pemudahca- raan Pelaburan	2.1 Penubuhan Jawatankuasa Khas Pemudahcara Pelaburan	Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pemudahcara Pelaburan bagi Projek Pembangunan Berimpak Tinggi	Dua (2) kali setahun	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	2.2 Pemantapan Proses Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang	Peratus / Bilangan gerak kerja ke arah pelaksanaan Perak <i>Speed & Safe Lane</i>	1. 100% gerak kerja selesai 2. Pelancaran Perak <i>Speed & Safe Lane</i>	2026 - 2030	Bahagian Kerajaan Tempatan

TerasStrategik 1

MEMACU EKONOMI NEGERI YANG MAPAN MELALUI PENGURUSAN SUMBER YANG EFEKTIF

TS1

S2

Meneroka Potensi Ekonomi Baharu

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Pembentukan Hala Tuju Ekonomi Biru	1.1 Penyediaan Dokumen Pelan Tindakan Ekonomi Biru	Dokumen Pelan Tindakan Ekonomi Biru	Satu (1) dokumen	2026	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	1.2 Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Ekonomi Biru	Penubuhan jawatankuasa	Satu (1) jawatankuasa	2026	Unit Perancang Ekonomi Negeri
2. Pembentukan Hala Tuju Ekonomi Ungu	2.1 Penyediaan Dokumen Hala Tuju Ekonomi Ungu	Dokumen Hala Tuju Ekonomi Ungu	Satu (1) dokumen	2026	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	2.2 Penyediaan Dokumen Pelan Tindakan Ekonomi Ungu	Dokumen Pelan Tindakan Ekonomi Ungu	Satu (1) dokumen	2027	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	2.3 Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Ekonomi Ungu	Penubuhan jawatankuasa	Satu (1) jawatankuasa	2027	Unit Perancang Ekonomi Negeri
3. Pembentukan Hala Tuju Ekonomi Jingga	3.1 Penyediaan Dokumen Hala Tuju Ekonomi Jingga	Dokumen Hala Tuju Ekonomi Jingga	Satu (1) dokumen	2028	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	3.2 Penyediaan Dokumen Pelan Tindakan Ekonomi Jingga	Dokumen Pelan Tindakan Ekonomi Jingga	Satu (1) dokumen	2028	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	3.3 Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Ekonomi Jingga	Penubuhan jawatankuasa	Satu (1) jawatankuasa	2028	Unit Perancang Ekonomi Negeri
4. Pemerkasaan Pelaksanaan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030	4.1 Jawatankuasa Pemantauan Ekonomi Digital	Pelaksanaan Mesyuarat Majlis Ekonomi Digital Negeri Perak (MEDi)	Satu (1) kali setahun	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	4.2 Jawatankuasa Penyelaras Infrastruktur Telekomunikasi	Pelaksanaan Jawatankuasa Penyelaras Infrastruktur Telekomunikasi Negeri Perak (JPiT)	Satu (1) kali setahun	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri

TerasStrategik 1

MEMACU EKONOMI NEGERI YANG MAPAN MELALUI PENGURUSAN SUMBER YANG EFEKTIF

Memberdaya Pengurusan Sumber Sedia Ada dan Baharu Secara Mampan

TS1

S3

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Pemerkasaan Pelaksanaan Pelan Perak Lestari 2030	1.1 Pemantapan Tadbir Urus Perak Lestari 2030	Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Pelaksana & Jawatankuasa Kerja	i. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu – 1 kali setahun ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana – 1 kali setahun iii. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja – 2 kali setahun	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	1.2 Kolaborasi Bersama Rakan Strategik	Jumlah kolaborasi	3 rakan strategik	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
2. Pembangunan Rantaian Ekosistem Industri <i>Rare Earth Element</i> (REE)	Industri Pertengahan	Penyediaan Pelan Pembangunan Industri Pertengahan Negeri Perak	Satu (1) dokumen pelan pembangunan	2027 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
3. Memperkasa Pengurusan Biodiversiti	3.1 Pencalonan Pengiktirafan Lenggong Geopark sebagai UNESCO Global Geopark	Pengiktirafan Lenggong Geopark sebagai UNESCO Global Geopark	Lenggong Geopark berjaya diiktiraf sebagai UNESCO Global Geopark	2026	Bahagian Kerajaan Tempatan
	3.2 Projek Padang Ragut Hidupan Liar	Pewujudan Padang Ragut Hidupan Liar di HSK Temenggor, Hulu Perak	Satu (1) Padang Ragut Hidupan Liar	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri

Teras Strategik 2

MEMPERKASA KESEJAHTERAAN SOSIAL RAKYAT MELALUI PERANCANGAN PEMBANGUNAN INKLUSIF



Teras Strategik 2

MEMPERKASA KESEJAHTERAAN SOSIAL RAKYAT MELALUI PERANCANGAN PEMBANGUNAN INKLUSIF

Memastikan Peningkatan Mobiliti Sosial Kumpulan Miskin dan Miskin Tegar



PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Peningkatan Mobiliti Sosial Kumpulan Miskin dan Miskin Tegar	1.1 Projek Penyelarasan Bantuan Kepada Kumpulan Miskin Tegar dan Miskin	1. Bilangan Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan Gerak Kerja Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri Perak 2. Mensifarkan jumlah miskin tegar 3. Pengurangan jumlah miskin	1. 12 mesyuarat setahun 2. 100% setiap tahun 3. 33% setiap tahun	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	1.2 Projek Kad Perak Sejahtera	1. Peratus Penggunaan Kad Perak Sejahtera 2. Pelaksanaan Pemutihan Penerima	1. 80% bulanan 2. Dwi tahunan	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	1.3 Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak	1. Bilangan pelajar ditaja 2. Jumlah pinjaman diberi setiap tahun	1. 953 orang pelajar 2. RM3 juta setiap tahun	2026 - 2030	Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Peningkatan Capaian Perkhidmatan Sosial Kepada Rakyat	2.1 Program One Stop Center (OSC) Sejahtera Sosial	Pelaksanaan Program OSC Sejahtera Sosial	12 mukim setahun	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	2.2 Pemantapan Pelaksanaan Sistem e-Penghulu	Peluasan modul e-Penghulu	Dua (2) modul baharu	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri

Teras Strategik 2

MEMPERKASA KESEJAHTERAAN SOSIAL RAKYAT MELALUI PERANCANGAN PEMBANGUNAN INKLUSIF

TS2

S2

Memperkukuh Infrastruktur Fizikal Kepada Rakyat

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Memperkasa Jaringan Perhubungan Negeri Perak	1.1 Program Bas Perak Sejahtera	% trip perjalanan yang dilaksanakan	95% setahun	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	1.2 Pemantauan Pematuhan Garis Panduan Infrastruktur Telekomunikasi	Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Infrastruktur Telekomunikasi (JPIT) Negeri Perak	Satu (1) kali setahun	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	1.3 Projek Pembinaan Jalan Raya dan Jambatan (Peruntukan P01)	1. Prestasi perbelanjaan 2. Status pelaksanaan projek	1. 90% perbelanjaan 2. 90% pelaksanaan projek fizikal	2026 - 2030	Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Infrastruktur Luar Bandar	2.1 Naiktaraf Infrastruktur Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT)	Bilangan RPT yang menerima kemudahan infrastruktur	Enam (6) RPT setiap tahun	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	2.2 Penyaluran Peruntukan Pembangunan Projek Kecil di bawah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)	Prestasi perbelanjaan projek	90% prestasi perbelanjaan projek	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri

TerasStrategik 2

MEMPERKASA KESEJAHTERAAN SOSIAL RAKYAT MELALUI PERANCANGAN PEMBANGUNAN INKLUSIF

Mewujudkan Persekitaran Hidup yang Selamat dan Sihat

TS2S3

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Pengurusan Bandar Berdaya Huni dan Mampan	1.1 Penarafan Bandar Pintar Peringkat PBT	Bilangan bandar yang menerima penarafan Early Adopter Smart City	Semua 15 PBT	2026 - 2030	Bahagian Kerajaan Tempatan
	1.2 Aplikasi Geospatial Negeri Perak	Bilangan aplikasi yang dibangunkan	1 aplikasi setahun	2026 - 2030	Unit Perancang Ekonomi Negeri
	1.3 Pemantauan Pelan Tindakan Bandar Pintar	Bilangan PBT yang telah menyediakan Pelan Tindakan Bandar Pintar	Semua 15 PBT	2026 - 2030	Bahagian Kerajaan Tempatan
2. Pengurusan Sisa	Pengurusan Sisa Pepejal di dalam Kawasan Operasi PBT - Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Secara Berpusat	Peratus/bilangan gerak kerja ke arah pelaksanaan tapak pelupusan sisa pepejal berpusat	100% gerak kerja selesai	2026 - 2030	Bahagian Kerajaan Tempatan
3. Pemuliharaan Alam Sekitar dan Biodiversiti	Larangan Pemberian dan Penggunaan Beg Plastik Jinjit Sekali Guna di Seluruh Negeri Perak pada Tahun 2026 dan di Lokasi-lokasi berikut: - Hutan Simpan - Taman Negeri Royal Belum & Taman Negeri Pulau Sembilan - Geopark Lenggong - Geopark Lembah Kinta	Bilangan laporan	Laporan suku tahun (4 kali setahun)	2026 - 2030	Sekretariat Kelestarian Alam Perak

Teras Strategik 3

MEMACU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFEKTIF MELALUI TADBIR URUS YANG CEKAP SERTA INKLUSIF



Teras Strategik 3

MEMACU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFEKTIF MELALUI TADBIR URUS YANG CEKAP SERTA INKLUSIF

Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan yang Mudah, Cepat dan Relevan

TS3

S1

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB)	1.1 Semakan Semula Piagam Pelanggan	Bilangan semakan	Satu (1) semakan setahun	2026 - 2030	Bahagian Korporat
	1.2 Melaksanakan Naziran Kepatuhan Piagam Pelanggan	1. Jumlah PTJ 2. % pemuatan piagam pelanggan	1. 20 PTJ setahun 2. 95% pemuatan piagam pelanggan	2026 - 2030	Bahagian Audit Dalam
	1.3 Melaksanakan Kajian Kepuasan Pelanggan	1. Bilangan kajian 2. % kepuasan pelanggan tahap cemerlang	1. Empat (4) kali setahun 2. 95% kepuasan pelanggan tahap cemerlang	2026 - 2030	Bahagian Korporat
	1.4 Pendigitalan Perkhidmatan	1. Penyediaan Bank Data Perkhidmatan Negeri 2. % pendigitalan perkhidmatan negeri	1. Satu (1) bank data yang lengkap 2. 15% setiap tahun	2026 - 2030	Bahagian Digital
2. Reformasi Perkhidmatan Kaunter	2.1 Bengkel Komunikasi Berkesan	1. Bilangan bengkel 2. % peserta mencapai tahap cemerlang	1. Satu (1) kali setahun 2. 90% peserta mencapai tahap cemerlang	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	2.2 Bengkel Peningkatan Kemahiran	1. Bilangan bengkel 2. % peserta mencapai tahap cemerlang	1. Satu (1) kali setahun 2. 90% peserta mencapai tahap cemerlang	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

TerasStrategik 3

MEMACU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFEKTIF MELALUI TADBIR URUS YANG CEKAP SERTA INKLUSIF

TS3

S1

Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan yang Mudah, Cepat dan Relevan

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
	2.3 Bengkel Pemantapan Imej dan Etika Pemakaian Penjawat Awam	1. Bilangan bengkel 2. % peserta mencapai tahap cemerlang	1. Satu (1) kali setahun 2. 90% peserta mencapai tahap cemerlang	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
3. Reformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam	3.1 Bengkel Pengukuhan Pengendalian Sosial Media	1. Bilangan bengkel 2. % peserta mencapai tahap cemerlang	1. Satu (1) kali setahun 2. 90% peserta mencapai tahap cemerlang	2026 - 2030	Bahagian Korporat
	3.2 Pembudayaan Inovasi dan Kreativiti:	1. Bilangan pertandingan	1. Dwi tahunan	2026 - 2030	Bahagian Korporat
	3.2.1 Pertandingan Anugerah Inovasi	2. Bilangan inovasi yang dihasilkan	2. Anugerah Inovasi – 60, Anugerah KIK – 30		
	3.2.2 Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	3. Bilangan inovasi yang dilaksanakan	3. 10% inovasi dilaksana		

Teras Strategik 3

MEMACU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFEKTIF MELALUI TADBIR URUS YANG CEKAP SERTA INKLUSIF

Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan yang Mudah, Cepat dan Relevan

TS3

S1

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
3. Reformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam	3.3 Pemantapan Pengasingan Fungsi Eksekutif dan Legislatif Negeri Perak:				
	3.3.1 Penyelarasan Keseragaman Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) 1980 Dengan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237)	1. Penyediaan dokumen enakmen (pindaan) 2. Pembentangan enakmen	1. Satu (1) dokumen enakmen (pindaan) disediakan 2. Pembentangan enakmen dalam Dewan Negeri	1. 2026 2. 2027	Bahagian Dewan Negeri & MMK
	3.3.2 Permohonan Penstrukturan Organisasi / Pengukuhan Perjawatan Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan ke Jabatan Perkhidmatan Awam	1. Dokumen permohonan 2. Penghantaran ke Jabatan Perkhidmatan Awam	1. Satu (1) dokumen 2. 100% selesai penghantaran dokumen	1. 2026 2. 2027	Bahagian Dewan Negeri & MMK
	3.3.3 Pembinaan Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak	1. Dokumen reka bentuk dan anggaran kos 2. Kelulusan reka bentuk dan anggaran kos	1. Penyediaan dokumen reka bentuk dan anggaran kos 2. 100% selesai kelulusan	2026 - 2030	Bahagian Dewan Negeri & MMK
	3.3.4 Pemerkasaan Ahli Dewan Negeri	1. Bilangan latihan 2. % kehadiran	1. Satu (1) kali setahun 2. 95 % kehadiran	2026 - 2030	Bahagian Dewan Negeri & MMK
	3.3.5 Memperkukuh Jawatankuasa Dewan Negeri	Pindaan Terma Rujukan 5 Jawatankuasa selesai	100% selesai pindaan	2026 - 2030	Bahagian Dewan Negeri & MMK

Teras Strategik 3

MEMACU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFEKTIF MELALUI TADBIR URUS YANG CEKAP SERTA INKLUSIF

TS3

S2

Memperkukuh Infrastruktur Digital dan Rangkaian Komunikasi

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Memperkukuhkan Perkhidmatan Rangkaian Berkelajuan Tinggi dan Keselamatan di Pejabat SUK Negeri Perak dan semua Jabatan / Agensi Negeri	1.1 Peningkatan Kelajuan (<i>Bandwidth</i>) Talian Telekomunikasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak 'Peraknet'	1. % peningkatan kelajuan talian PerakNet 2. % liputan premis yang mendapat peningkatan kelajuan PerakNet	1. 100% 2. 100%	2029 - 2030	Bahagian Digital
	1.2 Peningkatan Keselamatan Rangkaian Talian Telekomunikasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak 'Peraknet'	% keselamatan rangkaian dinaiktaraf	100% naiktaraf keselamatan rangkaian	2029 - 2030	Bahagian Digital
2. Memperkukuhkan Infrastruktur Digital Bagi Menampung Perkhidmatan Digital Negeri	Pengukuhan Pusat Data Negeri	% kebolehcapaian aplikasi digital negeri	90% kebolehcapaian	2026 - 2030	Bahagian Digital
3. Memperkasa <i>End User Computing</i> Bagi Memenuhi Keperluan Perkhidmatan Terkini dan Masa Hadapan	Pembaharuan Teknologi (<i>Technology refresh</i>) untuk Peranti Penjawat Awam Negeri	1. Kajian pelaksanaan 2. % pelaksanaan	1. Satu (1) kajian pelaksanaan 2. 25% pelaksanaan setahun	1. 2028 - 2029 2. 2029 - 2030	Bahagian Digital

Teras Strategik 3

MEMACU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFEKTIF MELALUI TADBIR URUS YANG CEKAP SERTA INKLUSIF

Mempertingkatkan Penggunaan Aplikasi Digital

TS3

S3

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Peningkatan Penggunaan Aplikasi Digital	Pengurusan Perubahan bagi Aplikasi Kritikal	1. Kajian Impak Penggunaan dan Pelan Pengurusan Perubahan 2. % pelaksanaan pengurusan perubahan 3. % peningkatan penggunaan Aplikasi Kritikal	1. Kajian Impak Penggunaan dan Pelan Pengurusan Perubahan 2. 25 % pelaksanaan pengurusan perubahan setiap tahun 3. 25% peningkatan penggunaan Aplikasi Kritikal setiap setahun	1. 2026 2. 2027 - 2030 3. 2028 - 2030	Bahagian Digital
2. Akses Perkhidmatan Digital	2.1 Memperkukuh Integriti Data, Penyampaian Keputusan MMK melalui Sistem e-MMK	% Jabatan / Agensi akses e-MMK	100% Jabatan / Agensi	2026 - 2028	Bahagian Dewan Negeri & MMK
	2.2 Pendigitalan Pengurusan Data Peribadi dan Perkhidmatan Kemudahan Ahli Dewan Negeri	% Ahli Dewan Negeri dan Pesara akses e-ADN	80% Ahli Dewan Negeri dan Pesara	2026 - 2028	Bahagian Dewan Negeri & MMK

Teras Strategik 3

MEMACU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG EFEKTIF MELALUI TADBIR URUS YANG CEKAP SERTA INKLUSIF

TS3

S4

Melaksana dan Memantau Indeks Prestasi Secara Konsisten

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Pengukuhan Tadbir Urus Prestasi	Pemantauan Dashboard Prestasi (KPI) Bahagian	1. % bahagian dipantau 2. % peningkatan pencapaian prestasi daripada lemah atau sederhana kepada tinggi	1. 100% bahagian dipantau 2. 90% peningkatan pencapaian prestasi	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
2. Pengurusan Kualiti	2.1 Pensijilan MS ISO 9001:2015	Sijil MS ISO 9001:2015	Satu (1) Sijil MS ISO 9001:2025	2026 - 2030	Bahagian Korporat
	2.2 Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2022 ISMS	Sijil MS ISO / IEC 27001:2022 ISMS	Satu (1) Sijil MS ISO / IEC 27001:2022 ISMS	2026 - 2030	Bahagian Digital
3. Pengurusan Aduan Awam	3.1 Pengurusan dan Pemantauan Aduan Awam melalui Medium SISPAA untuk Semua Jabatan di bawah Pentadbiran SUK Negeri Perak	1. % maklumbalas aduan dalam masa yang ditetapkan 2. % penyelesaian aduan dalam tempoh yang disasarkan	1. 100% maklumbalas 2. 75% penyelesaian	2026 - 2030	Bahagian Korporat
	3.2 Perluasan Penggunaan SISPAA kepada Semua Jabatan dibawah Pentadbiran SUK Negeri Perak	% jabatan yang melaksanakan SISPAA	100%	2026 - 2028	Bahagian Korporat

Teras Strategik 4

MEMPERKUKUH BUDAYA KEPIMPINAN UNTUK MELAHIRKAN
PENJAWAT AWAM YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI



TerasStrategik 4

MEMPERKUKUH BUDAYA KEPIMPINAN UNTUK MELAHIRKAN PENJAWAT AWAM YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI

TS4

S1

Memperkukuh Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Sistem Ganjaran dan Insentif Berasaskan Prestasi	Program Hadiah Latihan Negeri Perak melibatkan Kumpulan Pelaksana, P & P dan Pengurusan Tertinggi	Bilangan kursus dengan kolaborasi bersama-sama penyedia latihan berprofil tinggi	Tiga (3) kursus setahun	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
2. Program Peningkatan Kompetensi Penjawat Awam	Pelan Latihan Bersepadu dan Pembangunan Kompetensi	% pelaksanaan Pelan Latihan Bersepadu	25% setahun	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
3. Program Kesedaran dan Penjagaan Kesejahteraan Mental Penjawat Awam Negeri Perak	Program Kesedaran Kesihatan Mental: "Minda Sihat, Jiwa Sejahtera"	1. % penjawat awam menyertai program 2. % peningkatan kefahaman isu kesedaran mental dari rendah, sederhana kepada tinggi	1. 100% 2. 50%	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Teras Strategik 4

MEMPERKUKUH BUDAYA KEPIMPINAN UNTUK MELAHIRKAN PENJAWAT AWAM YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI

Memantapkan Kemahiran dan Pembudayaan Digital

TS4

S2

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Program Kepimpinan Digital	Komitmen Kepimpinan dalam Meneraju Penggunaan Teknologi	1. Bilangan program 2. Bilangan peserta	1. Satu (1) program setahun 2. 50 peserta	2026 - 2030	Bahagian Digital / Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
2. Pengukuhan Kompetensi Digital Penjawat Awam Negeri	2.1 Latihan Kompetensi Digital Penjawat Awam Negeri - Generik	1. Bilangan latihan 2. Bilangan peserta hadir 3. % peserta mencapai tahap cemerlang	1. Dua (2) latihan setahun 2. 120 peserta hadir 3. 90 % peserta mencapai tahap cemerlang	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	2.2 Latihan Penggunaan Aplikasi Digital Negeri	1. Bilangan latihan 2. % peserta hadir 3. % peserta mencapai tahap cemerlang	1. Empat (4) latihan setahun 2. 100% peserta hadir 3. 90 % peserta mencapai tahap cemerlang	2026 - 2030	Bahagian Digital
3. Program Upskill dan Reskill	3.1 Pelaksanaan Kursus Teknikal ICT	1. Bilangan kursus 2. Bilangan peserta hadir 3. % peserta mencapai tahap cemerlang	1. Empat (4) kursus setahun 2. 30 peserta 3. 90 % peserta mencapai tahap cemerlang	2026 - 2030	Bahagian Digital
	3.2 Kursus Pensijilan dan Profesional	Bilangan peserta diiktiraf	Satu (1) peserta setahun	2026 - 2030	Bahagian Digital

Teras Strategik 4

MEMPERKUKUH BUDAYA KEPIMPINAN UNTUK MELAHIRKAN PENJAWAT AWAM YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI



Memantapkan Kemahiran dan Pembudayaan Digital

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
4. Pemantapan Keselamatan Siber Agensi Negeri	4.1 Pemantapan Keselamatan Siber	1. Bilangan program yang dilaksanakan 2. % peserta mencapai tahap kefahaman keselamatan siber	1. Satu (1) kali setahun 2. 80% peserta mencapai tahap kefahaman keselamatan siber	2026 - 2030	Bahagian Digital
	4.2 Hebahan Keselamatan Siber	1. Bilangan hebahan yang dilaksanakan 2. Bilangan maklum balas keberkesanan hebahan dilaksanakan	1. Empat (4) hebahan setahun 2. Dua (2) laporan maklum balas keberkesanan hebahan keselamatan siber	2026 - 2030	Bahagian Digital

Teras Strategik 4

MEMPERKUKUH BUDAYA KEPIMPINAN UNTUK MELAHIRKAN PENJAWAT AWAM YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI

Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif

TS4

S3

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Penyediaan Persekitaran Kerja yang Selamat dan Kondusif	1.1 Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Secara Berkala	1. Bilangan mesyuarat 2. % pengurangan insiden keselamatan dan kesihatan pekerjaan di pejabat	1. 4 kali setahun 2. 50% pengurangan insiden	2026 - 2030	Bahagian Khidmat Pengurusan
	1.2 Penyelesaian Aduan Kerosakan yang Diterima	% penyelesaian aduan dalam tempoh ditetapkan: Kecemasan - 7 hari Minor - 21 hari Major - 90 hari	100%	2026 - 2030	Bahagian Khidmat Pengurusan
	1.3 Menguruskan Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan (P07) di bawah Pentadbiran SUK Negeri Perak Secara Cepak	% perbelanjaan peruntukan P07 bagi mewujudkan persekitaran kondusif	90%	2026 - 2030	Bahagian Khidmat Pengurusan
	1.4 Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (AKKP)	% pencapaian AKKP	95%	Dwi Tahunan	Bahagian Khidmat Pengurusan

Teras Strategik 4

MEMPERKUKUH BUDAYA KEPIMPINAN UNTUK MELAHIRKAN PENJAWAT AWAM YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI

TS4 S3 Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif

PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
2. Program Intervensi Kesihatan Mental Organisasi dan Peranan Ketua Jabatan sebagai “Psychological Gatekeeper”	Program Intervensi Cakna Mental bagi Pengurusan	1. Bilangan peserta menghadiri Program Cakna Kesihatan Mental	1. 30 peserta setahun	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
		2. % kehadiran peserta	2. 100% kehadiran peserta		
3. Program Komunikasi dan Libat Urus bagi Perkhidmatan Berkesan	3.1 Buletin Pejabat SUK Negeri Perak	Bilangan edisi	4 edisi setahun	2026 - 2030	Bahagian Korporat
	3.2 Majlis Perjumpaan YB SUK Negeri Perak	% kehadiran peserta setiap bahagian mengikut kuota yang diberikan	90% kehadiran peserta setiap bahagian sekali setahun	2026 - 2030	Bahagian Korporat
	3.3 Mesyuarat Perhubungan Ketua Jabatan Negeri & Persekutuan Negeri Perak	% kehadiran Ketua Jabatan	100% kehadiran	2026 - 2030	Bahagian Korporat
	3.4 Majlis Wacana Eksekutif YAB Menteri Besar Perak	Bilangan program	Satu (1) kali setahun	2026 - 2030	Bahagian Khidmat Pengurusan

Teras Strategik 4

MEMPERKUKUH BUDAYA KEPIMPINAN UNTUK MELAHIRKAN PENJAWAT AWAM YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI

Memantapkan Tadbir Urus dan Mempertingkatkan Program Kesedaran Integriti dan Tata tertib untuk Penjawat Awam



PROGRAM	PROJEK	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH SASARAN	PEMILIK
1. Program Pemantapan Tadbir Urus	1.1 Penyertaan Pegawai Awam Negeri Perak dalam Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Negeri Perak	1. Bilangan peserta 2. % peserta mendapat pentauliahahan	1. 40 orang 2. 100%	2026 - 2030	Unit Integriti
	1.2 Pembangunan Pelan Strategi Anti Rasuah Organisasi (OACS)	Bilangan pelan	Satu (1) Pelan OACS	2026	Unit Integriti
2. Program Pengukuhan Integriti Penjawat Awam	2.1 Penganjuran Bicara Governans, Integriti dan Antirasuah	Bilangan program	Satu (1) program setahun	2026 - 2030	Unit Integriti
	2.2 Pelaksanaan Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA)	Bilangan program	Satu (1) program setahun	2026 - 2030	Unit Integriti

Pemantauan dan Pengurusan Prestasi

PELAN STRATEGIK ORGANISASI PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2026 - 2030

2025



Pengenalan dan
Pembangunan
Pelan Strategik
Organisasi

2026



Pelaksanaan dan
Penilaian
Pencapaian
Tahun Pertama

2027



Pelaksanaan dan
Penilaian
Pencapaian
Tahun Kedua

2028



i. Pelaksanaan dan
Penilaian
Pencapaian
Tahun Ketiga

ii. Pemantauan dan
Kajian Semula
Pelan Strategik
Organisasi

2029



Pelaksanaan dan
Penilaian
Pencapaian
Tahun Keempat

2030



Pelaksanaan dan
Penilaian
Pencapaian Tahun
Kelima serta
Rumusan Keseluruhan

Penutup

PELAN STRATEGIK ORGANISASI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2026 - 2030

Pelan strategik ini digubal sebagai satu dokumen gerak kerja yang komprehensif, pragmatik dan berpaksikan realiti semasa bagi memastikan setiap perancangan, dasar dan inisiatif yang dirangka dapat dilaksanakan secara berfokus, tersusun dan berimpak tinggi. Ia merangkumi pelbagai dimensi utama pentadbiran negeri termasuk aspek tadbir urus, pembangunan sosioekonomi, kesejahteraan rakyat, pendigitalan perkhidmatan serta kelestarian pembangunan.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan strategik ini, mekanisme pemantauan, pengukuran prestasi serta penilaian berkala akan dilaksanakan secara sistematik agar setiap inisiatif kekal relevan dan responsif terhadap perubahan persekitaran, cabaran semasa serta jangkaan pemegang taruh. Penambahbaikan berterusan akan diberi penekanan bagi memastikan pelan ini sentiasa dinamik dan berupaya mencapai hasil yang holistik.

Penghargaan

PELAN STRATEGIK ORGANISASI PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2026 - 2030



**YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN)
TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BAHAGIAN DIGITAL
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN
BAHAGIAN DEWAN NEGERI & MMK
PEJABAT MENTERI BESAR
BAHAGIAN AUDIT DALAM
BAHAGIAN KORPORAT
UNIT INTEGRITI**



www.perak.gov.my

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak

T: (605) 209 5000
Emel: prosuk@perak.gov.my
Fb: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak